

03 JUL 2000

Senjata-Norian

KPN DIBERI TAKLIMAT MENGENAI KEJADIAN CURI SENJATA

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai hari ini diberi taklimat mengenai kejadian mencerooboh dan mencuri senjata api di Kem Batalion 304, Askar Wataniah di Grik, Perak semalam.

Taklimat hampir tiga jam itu, yang bermula 11 pagi ini, diberikan oleh Ketua Polis negeri Perak Datuk Mariman Taib di ibu pejabat polis di sini. Ia turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan polis negeri.

Wartawan-wartawan yang menunggu di ibu pejabat polis itu bagaimanapun tidak dibenarkan menemui Norian bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kejadian itu.

Menurut sumber, Norian dijangka memberi taklimat mengenai kejadian itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kira-kira 3 petang ini, iaitu sejurus selepas ketibaan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berada di sini bagi mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, yang dijadualkan di kediaman Menteri Besar Perak Datuk Tajol Rosli Ghazali pada 3.30 petang ini.

Sumber itu berkata Norian juga dijangka melawat Kem Batalion 304 itu selepas menemui Dr Mahathir.

Dalam kejadian pukul 4.15 pagi itu, lebih 90 laras senjata automatik termasuk refal M16 dan Steyr dan beratus-ratus butir peluru dilarikan oleh sekumpulan 15 lelaki yang menyamar anggota tentera lengkap berpakaian celoreng tentera Malaysia beserta dengan pangkat dan beret.

Menteri Pertahanan Datuk Sri Najib Tun Razak memberitahu sidang berita semalam bahawa kesemua lelaki itu datang dan melarikan diri dengan tiga Pajero berwarna hijau yang menggunakan plet tentera.

Berikutan kejadian itu, polis dan tentera melancarkan gerakan bersama secara besar-besaran di seluruh negara bagi memburu kumpulan itu.

-- BERNAMA

HK ES NAK